

Tanda Binatang (666)

Apakah yang Alkitab nyatakan tentang Tanda Binatang?

www.DivineRevelations.info/MALAYSIAN

[Wahyu 13: 15-18](#)



Dan kepadanya diberikan kuasa untuk memberikan nyawa kepada patung binatang itu, sehingga patung binatang itu berbicara juga, dan bertindak begitu rupa, sehingga semua orang, yang tidak menyembah patung binatang itu akan dibunuh. Dan ia menyebabkan, sehingga kepada semua orang, kecil atau besar, kaya atau miskin, merdeka atau hamba, **diberi tanda pada tangan kanannya atau pada dahinya, dan**

tidak seorang pun yang dapat membeli atau menjual selain dari pada mereka yang memakai tanda itu, yaitu nama binatang itu atau bilangan namanya. Yang penting di sini ialah hikmat: barangsiapa yang bijaksana, baiklah ia menghitung binatang itu, karena bilangan itu ialah bilangan manusia, dan bilangannya ialah enam ratus enam puluh enam.

[Revelations 14: 9-11](#)



Dan seorang malaikat lain, malaikat ketiga, menyusul mereka, dan berkata dengan suara nyaring “Jikalau seorang menyembah binatang dan patungnya itu, dan menerima tanda pada dahinya atau pada tangannya, maka ia akan minum dari anggur murka Allah, yang disediakan **tanpa campuran** dalam cawan murka-Nya; dan ia akan disiksa dengan api dan belerang di depan mata malaikat-malaikat kudus dan di depan mata Anak Domba. Maka asap api yang menyiksa mereka itu naik ke atas sampai selama-lamanya, dan siang malam mereka tidak henti-hentinya disiksa, yaitu mereka yang menyembah binatang serta patungnya itu, dan **barangsiapa yang telah menerima tanda namanya. (iaitu 666)**

Banyak spekulasi bagaimana perkara ini akan terjadi, tetapi sesuatu yang pasti ialah...

Celakalah bagi SESIAPA yang beroleh tanda binatang 666! **TIADA dapat mengundur lagi, TIADA pengampunan, TIADA peluang ke-2, TIADA penebusan, TIADA keselamatan!** Jangan pikir bahawa... **“Tuhan memahami, Dia akan mengampuni ku kerana mengambil tanda itu, Dia penuh kasih dan Dia takkan mahu aku kehilangan jiwaku. Aku tak perlu risau, aku masih selamat, kan?” SALAH!!!!**

Jika anda memperoleh tanda binatang 666 ini pada dahi dan tangan, habislah! Kamu TIDAK akan diselamatkan! Kamu telah mengakui SETIA kepada binatang itu. Akan ada tekanan dan siksaan hebat pada ketika tanda itu akan diberikan dan ia kelihatan hanya penyelesaian terbaik untuk meneruskan kehidupan, yang menyelesaikan segala masalah. Anda akan mengalami ancaman hebat agar memperoleh tanda itu, seperti siksaan, kehilangan nyawa, anak, harta benda, maruah, rumah, kebebasan, anggota badan dan lain-lain. Para Nabi telah diberi amaran bahawa iblis takkan melepaskan orang yang menolak tanda itu dengan sekadar dipenggal kepala sahaja, tapi akan disiksa sedahsyat mungkin agar mereka mengambil tandanya. Kamu takkan dapat membeli atau menjual tanpa tanda itu. Pada titik itu, kamu HARUS bersedia untuk mati daripada menerima tandanya. Kamu harus bersedia menerima hukuman daripada kamu menerima tanda binatang itu, tak mengira apa pun hukumannya. Jangan bertolak ansur, jangan silap, barangsiapa yang memperolehi tanda itu, walaupun orang percaya, **akan DIHUKUM dalam penuh kemurkaan Tuhan selamanya!**

Jangan menganggap bahawa membunuh diri untuk mengelakkan daripada menderita dan mengelakkan diri memperolehi tanda itu, akan menyelamatkanmu. Bunuh diri takkan menyelamatkanmu, tapi akan membawamu ke neraka, walaupun kamu seorang yang percaya. Seperkara lagi, jika anda tidak percaya pada Yesus, menolak tanda itu juga takkan menyelamatkanmu. Kamu harus mengaku percaya pada Yesus, menolak tanda itu, maka barulah kamu akan diselamatkan.



Namun, ada harapan bagi mereka yang tertinggal, yang menolak Tanda Binatang dan akan dibunuh kerana iman mereka.

Wahyu 20:4

Lalu aku melihat takhta-takhta dan orang-orang yang duduk di atasnya; kepada mereka diserahkan kuasa untuk menghakimi. Aku juga melihat jiwa-jiwa mereka, yang telah dipenggal kepalanya kerana kesaksian tentang Yesus dan kerana firman Allah; yang tidak menyembah binatang itu dan patungnya dan yang tidak juga menerima tandanya pada dahi dan tangan mereka; dan mereka hidup kembali dan memerintah sebagai raja bersama-sama Kristus untuk masa seribu tahun.

